



**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**  
***DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA***

Kementerian Kesihatan Malaysia,  
Aras 12, Blok E7, Parcel E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan  
Persekutuan,  
62590 Putrajaya

Tel : 603-8883 2545  
Faks : 603-8889 5542  
E-mail : hasar@moh.gov.my

**KENYATAAN AKHBAR**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

**SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA**  
Bagi Minggu 41/2011 (9 hingga 15 Oktober 2011)

Pada minggu ke-41 tahun 2011 iaitu bagi tempoh 9 hingga 15 Oktober, sejumlah 340 kes demam denggi dan dua kematian telah dilaporkan, meningkat sebanyak 24 kes berbanding dengan 316 kes dengan satu kematian pada minggu sebelumnya. Terdapat 7 buah negeri yang menunjukkan peningkatan kes berbanding minggu lepas iaitu Selangor yang meningkat sebanyak 31 kes (28%), Perak 11 kes (61%), Sarawak 5 kes (56%), Melaka 4 kes (44%), WP Kuala Lumpur/Putrajaya 3 kes (7%), Kelantan 1 kes (10%) dan Pahang meningkat sebanyak 1 kes (6%)(Lampiran A). WP Kuala Lumpur/Putrajaya telah menunjukkan peningkatan kes sejak 3 minggu berturut-turut.

Pada tahun 2011 iaitu dari Januari hingga 15 Oktober, sebanyak 15,524 kes dilaporkan, penurunan sebanyak 61% atau 23,740 kes berbanding dengan 39,264 kes yang dilaporkan bagi tempoh yang sama tahun 2010. Bagi tempoh yang sama, sebanyak 26 kematian akibat demam denggi dilaporkan, menurun sebanyak 78% berbanding 117 kematian pada tahun 2010.

Pada minggu lepas, terdapat dua kematian demam denggi dilaporkan, masing-masing di WP Kuala Lumpur dan Selangor yang melibatkan seorang pegawai eksekutif wanita berusia 35 tahun dan seorang pelajar lelaki berusia 16 tahun. Pesakit-pesakit ini telah mendapatkan rawatan awal di klinik swasta akibat demam sebanyak 2 hingga 3 kali sebelum dimasukkan ke hospital bagi mendapatkan rawatan lanjut. Namun, pesakit-pesakit ini meninggal dunia akibat komplikasi demam denggi iaitu *Dengue Shock Syndrome* dengan kegagalan fungsi organ. Hasil dari pemeriksaan di kawasan kediaman pesakit-pesakit ini ditemui banyak tempat pembiakan Aedes iaitu di salur air, piring tv satelit, kolah mandi, penutup tong dan tong plastik. Dua kompaun maksima RM 500 setiap kompaun telah dikeluarkan terhadap pemilik premis.

Sejumlah 59 lokaliti wabak denggi dipantau di seluruh negara, meningkat 7 berbanding 52 lokaliti pada minggu sebelumnya. Terdapat empat (4) lokaliti *hot spots* berlaku dengan 34 kes dilaporkan, dua lokaliti dari Selangor iaitu Flat Pandan Perdana dan Apartment Taman Bukit Mewah di daerah Hulu Langat serta dua lokaliti dari WP Kuala Lumpur iaitu Bintang Mas Condo di zon Cheras dan Correnthian Condo di zon Pusat Bandar (Lampiran B).

Pengawasan tempat pembiakan Aedes yang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia sehingga 8 Oktober 2011, sebanyak 2,044,483 premis telah diperiksa seluruh negara mendapati sebanyak 29,275 daripadanya mempunyai pembiakan Aedes. Di negeri Selangor pula sebanyak 262,764 premis telah diperiksa dan 5,452 daripadanya mempunyai pembiakan Aedes. Masih lagi terdapat tuan punya premis yang membiarkan premis mereka menjadi tempat untuk pembiakan nyamuk Aedes termasuklah premis kediaman.

Masyarakat perlu mengambil pengajaran daripada dua kematian denggi yang berlaku pada minggu lepas. Sekiranya tempat-tempat pembiakan Aedes di kawasan kediaman kes tersebut dan juga di kawasan sekitar komuniti berkenaan dapat dihapuskan pada peringkat awal, ianya dapat menghalang penyakit demam denggi dari merebak dan *insya'Allah* dapat mencegah berlakunya kematian akibat dari jangkitan denggi.

Aktiviti pencegahan denggi juga mendapat sokongan dari syarikat swasta SC Jonson & Son (M) Sdn. Bhd. melalui aktiviti yang dilancarkan iaitu "Ridsect CSR Aedes Advice Mission Activity" di Pangsapuri Impian Baiduri, Petaling Jaya, Selangor pada 19 Oktober 2011. Program yang dijalankan oleh syarikat ini bersama dengan persatuan penduduk Pangsapuri Impian Baiduri adalah untuk memberi khidmat nasihat dari rumah ke rumah bagi mengenalpasti tempat pembiakan Aedes dan cara menghapuskannya.

Kementerian Kesihatan mengalu-alukan usaha dari perbagai pihak terutama pihak swasta dan persatuan penduduk dalam mencegah penyakit denggi. Penglibatan setiap individu, komuniti dan agensi lain dalam mengurangkan pembiakan Aedes akan menyumbang kepada pengurangan kes dan kematian denggi di negara ini.

**DATO' DR HASAN ABDUL RAHMAN**

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

19 Oktober 2011

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 41/2011  
(9 hingga 15 Oktober 2011)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 41/2011	Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 41/2010
		Minggu 41 (9 – 15 Okt 2011)	Minggu 40 (2 – 8 Okt 2011)		
1	Perlis	2	3	88	168
2	Kedah	4	13	373	643 (3)
3	P. Pinang	10	18	1,375 (2)	1,359 (5)
4	Perak	29	18	1,015 (2)	1,892 (5)
5	Selangor	141 (1)	110 (1)	5,927 (7)	14,311 (40)
6	WPKL & Putrajaya	46 (1)	43	1,520 (2)	3,624 (6)
7	N. Sembilan	13	17	607 (3)	1,409 (7)
8	Melaka	13	9	321	1,119 (11)
9	Johor	22	31	1,300 (5)	3,561 (10)
10	Pahang	18	17	746 (1)	1,219 (3)
11	Terengganu	11	11	544 (1)	1,122 (2)
12	Kelantan	11	10	575 (1)	3,194 (11)
13	Sarawak	14	9	782	3,764 (13)
14	Sabah	6	7	342 (2)	1,863 (1)
15	WP Labuan	0	0	9	16
	<b>MALAYSIA</b>	<b>340 (2)</b>	<b>316 (1)</b>	<b>15,524 (26)</b>	<b>39,264 (117)</b>

Nota: ( ) Kematian

**SENARAI LOKALITI *HOT SPOTS* DILAPORKAN SEHINGGA MINGGU  
41 BAGI TAHUN 2011**

<b>Bil</b>	<b>Negeri</b>	<b>Daerah/Zon/ PBT</b>	<b>Lokaliti</b>	<b>Jumlah Kes</b>	<b>Tempoh Wabak Berlaku (Hari)</b>
1	SELANGOR	Hulu Langat	Flat Pandan Perdana	10	33
2	SELANGOR	Hulu Langat	Apartment Taman Bukit Mewah	4	32
3	WPKL	Cheras	Bintang Mas Kondo	11	37
4	WPKL	Pusat Bandar	Corenthian Kondo	9	34